

24 JUN 1997

Harta

LAPORAN HARTA EXCO PERLIS AKAN DISERAH KEPADA PM, BPR

KANGAR, 24 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim akan menyerahkan salinan laporan harta enam anggota EXCO kerajaan negeri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak lama lagi.

Katanya, semua anggota EXCO telah mengisytiharkan harta masing-masing dan setakat ini beliau berpuas hati dengan kedudukan harta mereka.

Perlis mempunyai enam anggota EXCO kerajaan negeri iaitu Che Ah binti Long, Abd. Azib Saad, Yazid Mat, Ishak Arshad dan Ibrahim Salleh masing-masing daripada Umno serta Khor Liang Tee dari MCA.

Katanya, setiap EXCO telah mengangkat sumpah untuk membuktikan dengan jelas bahawa laporan mereka adalah benar.

"Jika siasatan mendapati laporan itu palsu, anggota EXCO terbabit akan diambil tindakan tegas," kata Shahidan.

Mengenai laporan harta oleh wakil rakyat yang lain, beliau berkata setakat ini mereka belum lagi diminta berbuat demikian kerana kerajaan negeri yakin mereka tidak terbabit dalam kegiatan yang mempunyai kepentingan peribadi.

Shahidan, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri mengulangi amarannya bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pemimpin atau anggota parti yang terbabit dalam kegiatan rasuah seperti mengadakan kenduri atau jamuan ikan bakar.

Katanya, jika ada di antara mereka yang berniat ikhlas hendak berkenduri, mereka boleh berbuat demikian atas nama Umno Perhubungan negeri tanpa menyatakan siapa penyumbang derma. -- BERNAMA

RIS AD AHH